

Wabak selesema babi serius tapi terkawal: Liow

Orang ramai diminta tidak panik, bantu tangani wabak

Oleh Mohd Hamizar Hamid
dan Rosnadiyah Rosli
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Wabak selesema babi atau Influenza A (H1N1) di negara kini berada pada tahap serius tetapi terkawal, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Sehubungan itu, orang ramai diminta tidak mendedgar khabar angin menyatakan wabak itu tidak serius kerana belum ada kematian setakat ini.

"Jangan panik, tetapi perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang tepat untuk menangani wabak ini secara bersama berikutan penularan yang cepat," katanya pada sidang media di sini semalam.

Liow berkata, orang ramai tidak boleh membandingkan wabak H1N1 dengan epidemik Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang mencatat 9.6 peratus kematian dan selesema burung 61 peratus.

"Kematian akibat H1N1 memang rendah berbanding kedua-dua wabak itu tetapi kita perlu lihat bagaimana H1N1 merebak. Ia merebak cepat dan kadar jangkitannya pula sangat tinggi," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan memberikan topeng muka percuma kepada orang ramai sebagai langkah pencegahan, Liow berkata, tidak ada sebarang cadangan berbuat demikian ketika ini.

"Bagaimanapun, saya meminta syarikat swasta ber-



ANGGOTA polis menjalani ujian saringan Influenza A (H1N1) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, semalam.

sama-sama menjayakan kempen pencegahan H1N1 ini dengan membekalkan topeng muka percuma kepada orang awam," katanya.

Liow turut meminta pemilik syarikat dan kilang yang mempunyai ramai pekerja mengambil langkah pencegahan awal bagi mengelak pekerja diserang wabak itu bagi mengelakkan perniagaan dan perusahaan terpaksa ditutup jika pekerja mereka dijangkiti.

Sementara itu, 38 lagi kes jangkitan baru dilaporkan setakat jam 8 pagi semalam, menjadikan 196 kes di seluruh negara. Daripada jumlah terbaru itu, 33 adalah kes import dan lima jangkitan tempatan.

Tiga kes tempatan mem-babitkan pelajar Sekolah Menengah Tsun Jin, Jalan Loke

Yew di Cheras, manakala dua lagi masing-masing kontak kepada kes import ke-147 dan 148.

"Sebanyak 86 pesakit masih dirawat di hospital dan semua menunjukkan tindak balas yang baik kepada rawatan tanpa sebarang komplikasi, manakala 110 lagi sudah sembuh dan dibenarkan pulang," katanya.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican.

Liow berkata, dua sekolah masih ditutup iaitu Sekolah Menengah Tsun Jin, Cheras, Kuala Lumpur dan Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban kerana dikesan mempunyai jangkitan tempatan.

Seramai 4,668 pelajar, guru dan pekerja sekolah berkenaan dikuarantinkan sehing-

ga esok, selain 778 kontak terdekat mereka.

Dalam perkembangan lain, Liow berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal H1N1 yang dipengerusikan Dr Ismail mengenalpasti lima hospital swasta di Lembah Klang dan 29 klinik kesihatan di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan pengambilan sampel tekak secara percuma.

Hospital swasta berkenaan adalah Sunway Medical Centre, Pantai Medical Centre, Sime Darby Medical Centre, Gleneagles Intan Medical Centre dan Prince Court Hospital.

Selain itu, kementerian tidak membenarkan penggunaan kit ujian pantas (rapid test kit) H1N1 kerana tidak sensitif dan tidak spesifik untuk mengesan jangkitan itu.